

## Harga gula akan turun?

NURULFATIHA MUAH

2 OGOS 2018



Facebook



Twitter



WhatsApp



Email



More 268



A-

A+

(Ubah saiz teks)

KUALA LUMPUR - Kerajaan bercadang untuk menurunkan harga gula tidak lama lagi susulan harga gula dunia yang menunjukkan trend penurunan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Chong Chieng Jen berkata, kementerian itu kini sedang meneliti perkara itu dan berunding dengan pemain industri gula di negara ini bagi tujuan tersebut.

"Harga gula putih kasar semasa adalah RM2.95 dan ia masih tinggi dan kami akan pertimbangkan untuk menurunkannya.



Swiss-Garden Resort  
Residences Kuantan  
RM 330.04  
★★★★☆



"Jumlah penurunan harga itu nanti akan diumumkan oleh menteri," katanya kepada media di lobi Parlimen hari ini.

Ketika menjawab soalan Pang Hok Liong (PH-Labis) yang meminta kementerian menjelaskan sama ada akan mengeluarkan lebih Permit Import (AP) dalam sidang Parlimen hari ini, Chieng Jen berkata, kerajaan mempertimbangkan cadangan meliberalisasikan lesen permit import (AP) gula sebagai satu daripada usaha untuk memecahkan monopoli gula seterusnya mengurangkan harga runcit bahan keperluan asas itu.

Ditanya sama ada harga gula akan turun kepada RM1.50, beliau berkata ia agak sukar kerana perlu mengambil kira kos pengedaran, pengangkutan dan pemrosesan.

Selain itu, Chien Jen berkata, kementeriannya juga akan mempertimbangkan untuk membuka AP gula dengan mengambil kira potensi pemegang AP dan kualiti gula import.

"Kami juga perlu melihat industri gula secara keseluruhannya," katanya.



Jerantut Hill Resort

RM 69



De Rhu Beach Resort

RM 150



Booking.com